

18 NOV 2000

LID-Perutusan

EKONOMI DIDORONG PENGETAHUAN MEMBAWA CABARAN BARU, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 18 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, perubahan pesat dalam ekonomi dan teknologi membawa kepada satu bentuk baru ekonomi didorong oleh pengetahuan (K-ekonomi) yang sangat berdaya saing.

Ini, kata beliau, mengubah laluan bagi negara-negara membangun mencapai kejayaan dalam ekonominya.

Oleh sebab itu, Dr Mahathir berkata masa depan negara-negara individu kini lebih saling bergantung berbanding sebelum ini khususnya dalam kapasiti untuk memperoleh, menghantar dan menggunakan pengetahuan dalam kehidupan harian selain memenuhi standard antarabangsa.

"Negara-negara perlu menangani cabaran lebih besar daripada segi ketangkasan, perangkaan dan pembelajaran serta mengatur pengeluaran untuk mencapai kualiti, produktiviti dan fleksibiliti," kata Perdana Menteri dalam perutusannya di buku cenderamata Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID).

Lebih daripada 300 peserta, termasuk pemimpin-pemimpin kerajaan, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, ketua pegawai eksekutif, kakitangan akademik dan media dari lebih 20 negara akan menyertai acara empat hari itu yang bermula di sini esok.

Dr Mahathir yang juga penaung dan penasihat dialog itu berkata, globalisasi dan ekonomi yang didorong oleh pengetahuan menjadi isu hangat yang didebatkan sekarang.

Dunia kini menghadapi perubahan ketara dalam persekitaran ekonomi yang dicirikan oleh perubahan dalam bentuk perdagangan dan persaingan, inovasi teknikal dan globalisasi maklumat.

"Pertumbuhan ekonomi yang semakin tiada batasan sempadan dan didorong oleh maklumat dipermudahkan oleh perkembangan radikal dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) khususnya yang dibawa oleh Internet," kata beliau lagi.

Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan bahawa globalisasi bukan sahaja mewujudkan peluang-peluang tetapi juga membawa risiko dan ketidakpastian dan berkata ini boleh dilihat daripada krisis ekonomi baru-baru ini.

Beliau berkata, penggunaan aplikasi berasaskan ICT telah meningkatkan lagi pendedahan pasaran kewangan domestik terhadap kelemahan sistem kewangan.

"Pengalaman itu dengan jelas menunjukkan kesan negatif globalisasi terhadap negara-negara, dengan kerugian melebihi keuntungan," kata beliau.

Mengenai LID 2000, Perdana Menteri berharap siri Dialog Perkongsian Bestari yang diadakan sejak 1995 itu akan diteruskan untuk para pesertanya berusaha bersama-sama bagi mencari jalan dan penyelesaian untuk mentadbir negara, syarikat dan kumpulan-kumpulan, selain memperkukuhkan ekonomi supaya dapat mengharungi krisis masa depan.

Beliau berkata, pusingan pertama Dialog Perkongsian Bestari Global 2000 di Maputo, Mozambique pada Ogos telah menangani dengan jayanya isu-isu berkaitan aliran global dan implikasinya terhadap ekonomi-ekonomi sedang muncul.

Dr Mahathir berkata, LID sesuai bagi semua untuk mencari idea baru dan agenda dalam menangani cabaran globalisasi dan juga mewujudkan kesedaran serta berkongsi pengalaman.

"Saya berharap falsafah, kepercayaan serta amalan Perkongsian Bestari akan terus berkembang melampaui dialog ini," kata beliau lagi.

-- BERNAMA
AR PR